



KENYATAAN MEDIA

**YB DATUK MADIUS TANGAU
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI MALAYSIA
18 SEPTEMBER 2015**

OPERASI PEMBENIHAN AWAN DI SARAWAK BERJAYA

Operasi pembenihan awan (OPA) yang telah dijalankan di Sarawak pada hari ini, 18 September 2015, telah berjaya menghasilkan hujan di beberapa tempat di Bahagian Sri Aman dan daerah Serian di Bahagian Samarahan.

Kejayaan OPA hari ini diharapkan akan dapat mengurangkan tahap jerebu yang dihadapi oleh penduduk Sarawak. OPA yang bermula pada jam 11.35 pagi dan berakhir pada 12.42 tengahari telah dijalankan di kawasan Santubong di Bahagian Kuching, Simunjan dan Tebekang di Bahagian Samarahan dan Batang Lupar di Bahagian Sri Aman.

OPA di Sarawak dijangka akan diteruskan sehingga 25 September 2015. Walau bagaimanapun, operasi ini bergantung kepada kesesuaian awan dan jarak penglihatan yang dibenarkan.

Buat masa ini, OPA di Semenanjung Malaysia telah ditamatkan memandangkan keadaan cuaca dan bacaan IPU yang semakin baik.

Datuk Madius Tangau
Menteri Sains Teknologi dan Inovasi